

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 19 JULAI 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 74

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) sama ada Institut Memandu (IM) boleh mengenakan bayaran ujian memandu yang lebih tinggi sekiranya IM diarahkan memasang kamera di papan pemuka; dan
- (b) sama ada setiap pelajar yang mengambil ujian memandu masih wajib membeli buku teks Kurikulum Pendidikan Pemandu selepas Kerajaan menamatkan kontrak dengan MyEG pada bulan Jun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan satu kajian menyeluruh berhubung dengan pemasangan kamera di papan pemuka kenderaan pengujian. Oleh yang demikian, kadar yuran bagi calon di Institut Memandu (IM) masih belum ditentukan sehingga hasil kajian dikeluarkan.

- b) Buku teks Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) adalah diterbitkan oleh JPJ dan dicetakkan oleh pihak Percetakan Nasional Berhad (PNB). Perjanjian kontrak percetakan dengan pihak PNB telah dimuktamadkan sehingga tahun 2020. Dalam hal ini, pihak MyEG tiada perkaitan dengan perjanjian percetakan buku teks KPP.